

*Ulasan Artikel*

**Impak Pembangunan Ekopelancongan Terhadap Komuniti Tempatan: Taman Negara Tanjung Piai, Johor**

*(Ecotourism Development Impacts Towards Local Community: Tanjung Piai National Park, Johor)*

Fatin Umaira Muhamad Azian<sup>1\*</sup>, Noorefika Jailani<sup>1</sup>, Suhana Ismail<sup>2</sup>, Noviatin Syarifuddin<sup>1</sup> & Mardiah Mawar Kembaren<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

<sup>3</sup>Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara, Indonesia

\*Pengarang Koresponden: [fatin.umaira@ukm.edu.my](mailto:fatin.umaira@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Ekopelancongan adalah lawatan yang menjurus kepada pemuliharaan alam sekitar serta memberikan manfaat kepada komuniti tempatan melalui penglibatan mereka. Setiap kawasan ekopelancongan mempunyai impak pembangunan yang tersendiri. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak pembangunan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Taman Negara Tanjung Piai, Johor dipilih sebagai kawasan kajian kerana lokasinya yang strategik iaitu terletak di penghujung benua Asia yang mampu menarik pelbagai kategori pelancong. Borang soal selidik bagi mengetahui impak pembangunan ekopelancongan terhadap komuniti digunakan. Persampelan secara rawak digunakan dalam kajian dan data dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis menunjukkan bahawa aktiviti ekopelancongan di Taman Negara Tanjung Piai, Johor telah memberi impak kepada komuniti tempatan daripada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Keadaan sosial penduduk tempatan semakin berkembang dengan adanya pertambahan kedatangan pelancong. Untuk meningkatkan kemajuan kawasan kajian, penyediaan infrastruktur dan kemudahan lain perlu ditambah dan diperbaiki. Kajian ini memberi pendedahan yang berguna kepada pihak kerajaan dan swasta terhadap impak pembangunan ekopelancongan kepada pelbagai pihak terutamanya dari aspek komuniti tempatan.

**Kata kunci:** Ekopelancongan, Komuniti, Persepsi, Impak Pembangunan, Johor

**Abstract:** Ecotourism is responsibility visit toward the nature, encourage nature preservation and gives a good impact to the local communities through their participation in those industry. Each ecotourism area has its own development impacts. Thus, this research mainly focusing on local the ecotourism development impact towards local community from three aspect which is economy, social and environment. Tanjung Piai National Park, Johor had been chosen as research site because of their strategic location which located at the end of Asian continent as this location attract many tourists. A set of questionnaires is distributed to recognise the ecotourism development impacts towards community. The data collected by random sampling and are processed using SPSS software. Results of the analysis showed that the eco-tourism activities in Tanjung Piai National Park, Johor had an impact

on local communities in terms of economic, social and environmental. To improve the progress of this National Park, provision of infrastructure and other facilities should be increased and upgraded. This study will provide useful exposure to the government and the private sector on the impact of tourism to various parties, especially the local community.

**Keywords:** Ecotourism Development, Local Community, Tourism Impact, Johor

## Pengenalan

Pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang semakin berkembang pesat di negara-negara membangun seperti Malaysia. Industri pelancongan telah membantu dalam peningkatan ekonomi negara. Pelancongan juga adalah aktiviti rekreasi yang dilakukan oleh manusia untuk melawat ke sesuatu destinasi pelancongan yang baru bagi tujuan tertentu. Menurut Mathieson dan Wall (1982), pelancongan adalah pergerakan sementara manusia ke destinasi di luar tempat kerja dan tempat tinggal. Pelancong akan mendapat peluang untuk menikmati kebudayaan, seni, rekreasi dan perkhidmatan di kawasan pelancongan tersebut. Kebanyakan pelancong akan tertarik dengan sesuatu kawasan yang memiliki pemandangan alam sekitar yang indah, persekitaran semula jadi yang mendamaikan dan mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri.

Menurut Clifton dan Benson (2006), sekiranya sumber unik alam semula jadi dikekalkan, maka kelestarian industri pelancongan lebih terjamin. Oleh itu, pembangunan yang dijalankan dalam industri pelancongan seharusnya menitikberatkan pengkalan sumber alam semula jadi di kawasan tersebut. Jenis pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan di Malaysia adalah seperti ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan budaya, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan, pelancongan pendidikan dan pelancongan membeli-belah.

Ekopelancongan merupakan lawatan yang bertujuan untuk menikmati dan mengkaji keindahan alam semula jadi, binatang liar, tumbuh-tumbuhan serta keunikan budaya di kawasan semula jadi yang tidak tercemar (Lascurain, 1988). Ekopelancongan selalunya mempunyai impak yang minimum dan menyumbang kepada pengkalan spesies hidupan dan habitat. Selain itu, ekopelancongan juga memberi keuntungan sosioekonomi kepada komuniti tempatan melalui penglibatan mereka dalam pelbagai aspek.

Pembangunan dalam bidang ekopelancongan yang dilaksanakan di seluruh negara tentunya akan memberikan impak samada dari aspek positif mahupun negatif, dan kesan yang ditinggalkan ini bersifat kesan jangka masa panjang dan pendek terhadap komuniti. Hal ini mendorong kajian ini untuk mengenalpasti impak pembangunan pelancongan terhadap komuniti tempatan di Taman Negara Tanjung Piai, Johor.

## Sorotan Literatur

### 1. Ekopelancongan

Ekopelancongan adalah pengembaraan yang bertujuan untuk mewujudkan kesefahaman dalam persejarahan dan kebudayaan yang tergolong dalam persekitaran. Ekopelancongan juga merupakan aktiviti pelancongan yang berterusan dan mencipta ruang yang menarik pelancong untuk meneroka kawasan berlandaskan ekologi buatan (Er & Nurul, 2013; Chistopher et al., 2016). Selain itu, ekopelancongan memfokuskan kepada penjagaan ekosistem dan penghasilan faedah dalam bentuk ekonomi kepada kerajaan dan rakyat tempatan untuk memotivasikan pemuliharaan semula jadi (Goeldner et.al, 2000).

Ekopelancongan juga dikaitkan dengan sebagai strategi pembangunan dalam usaha pemuliharaan alam sekitar oleh negara sedang membangun. Ekopelancongan juga dikatakan menjadi sumber pembangunan mampan dan sumber hasil pertukaran asing pada sekitar tahun 1980-an (Honey, 1999). Sumber ini dikatakan lestari dari alternatif konvensional seperti carigali minyak, pembalakan, perladangan, penternakan dan perikanan komersial. Alternatif ini dapat mengurangkan kesan yang tidak diinginkan dengan lebih menumpukan kepada bilangan pelancong yang terkawal, pemuliharaan interaksi dengan flora, fauna serta populasi manusia semulajadi.

Malaysia tidak terkecuali untuk mengetengahkan ekopelancongan sebagai pelancongan yang penting. Ekopelancongan telah diberikan penekanan oleh kerajaan dalam pembangunan pelancongan negara semenjak Rancangan Malaysia ke 8 (2001-2005). Pelaksanaan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 1996 merupakan satu transformasi baru dalam perancangan, garis panduan dan pembangunan ekopelancongan. Pelan ini menjurus kepada pemuliharaan daya tarikan semula jadi, seperti perlindungan haiwan liar, taman negara, tanah tinggi, kawasan paya bakau, kawasan hutan simpan rekreasi, sungai, tasik, air terjun, kawasan pantai dan pulau. Antara kawasan yang dikenalpasti adalah Taman Negara Bako di Sarawak, Taman Negara Kinabalu dan Kundasang di Sabah, Taman Negara Pahang, Tasik Kenyir di Terengganu, Tanah Tinggi Cameron Highlands di Pahang, Bukit Larut dan Tasik Bera di Pahang (Che Bon Ahmad et al., 2012). Pelbagai aktiviti juga disediakan untuk menggalakan penglibatan pelancong dengan alam semula jadi (Glen dan Philip Dearden, 2003 dalam Wan et al., 2015). Keistimewaan dan keunikan inilah yang menjadi tarikan dan produk ekopelancongan berbeza dari produk pelancongan yang lain.

Bagi negeri Johor, kerajaan Rancangan Struktur Negeri Johor (RSNJ) yang dibangunkan oleh kerajaan Negeri Johor dilihat dapat memberi kekuatan untuk setiap daerah di Negeri Johor dalam memartabatkan pelbagai sektor yang menyumbang kepada ekonomi negeri. Rancangan ini memberi peluang kepada kepelbagaian aktiviti ekopelancongan di Negeri Johor dilestarikan seperti taman negara, taman laut dan juga geopark. Sebagai contoh, pelbagai kajian dijalankan dalam perancangan ekopelancongan seperti Taman Laut Sultan Iskandar (TLSI) (Siew, 2015), pengembaraan hutan lagenda (M. Adli et al., 2018), Taman Negara (Ahmad et al., 2019; Mohamed et al., 2020) dan Wilayah Iskandar Malaysia (Said, Komo dan Mohamad, 2020).

## 2. Impak Pembangunan Pelancongan

Menurut Zuriatunfadzilah et al. (2009), perubahan cara hidup dari segi budaya khususnya tentang pemakaian, pemakanan, bahasa dan cara menghasilkan kraf tangan tradisional telah dialami oleh komuniti Orang Asal daripada suku Batek. Penglibatan kaum ini dalam bidang ekopelancongan adalah penting kerana keunikan budaya mereka telah menjadi produk ekopelancongan yang mampu menarik lebih ramai pelancong asing ke kawasan tersebut. Aktiviti yang dijalankan dapat membantu dalam peningkatan ekonomi penduduk suku Batek.

Dalam kajian oleh Mohd Hairy (2003) pula menyatakan bahawa ekopelancongan lembangan Sungai Bill di Perak menerapkan prinsip-prinsip ekologi dalam ekopelancongan yang perlu dalam memajukan ekopelancongan di kawasan tersebut. Kelestarian lembangan ini perlu dipelihara dari berlaku kerosakan mahupun kemusnahan akibat aktiviti manusia yang tidak bertanggungjawab khususnya sikap para pelancong yang membuang sampah memberi impak ke atas persekitaran kawasan.

Selain itu, Badaruddin Mohamed (2008) telah menyatakan bahawa perkembangan ekopelancongan di kawasan Taman Negara amat digalakkan sekiranya dilihat dari faedah yang diperoleh daripada perspektif

ekonomi. Namun, jumlah kemasukan pelancong secara besar-besaran boleh membawa pelbagai kesan negatif terutamanya di kawasan yang mempunyai infrastruktur yang kurang baik. Kedatangan pelancong yang terlalu ramai akan menyebabkan Taman Negara mengalami kesan negatif dari aspek sosial dan persekitaran sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hal ini kerana sikap pelancong itu sendiri yang kurang bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar di kawasan Taman Negara tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh kajian Er et al. (2012) juga menyatakan bahawa projek ekopelancongan yang telah diperkenalkan di Ulu Dong memberi pendedahan kepada masyarakat kepada pelbagai kegiatan ekonomi seperti industri IKS, pertanian dan perusahaan chalet. Oleh itu, kegiatan ekonomi ini telah memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti Ulu Dong misalnya yang berkaitan dengan ekopelancongan seperti pemandu pelancong.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Christopher Perumal et. al (2016) memberi pendedahan mengenai pembangunan ekopelancongan Sepang Gold Coast (SGC) yang telah memberi perubahan yang positif kepada persekitaran Bagan Lalang terutamanya dari aspek ekonomi. Kajian ini mendapati bahawa projek SGC membuka peluang pekerjaan seterusnya menjana pendapatan dalam perniagaan ke atas komuniti nelayan. Di samping itu, peluang ekonomi terbuka luas kepada segelintir komuniti dengan adanya kemasukan pelancong ke Bagan Lalang. Malah, pembangunan kawasan tersebut juga memberi impak yang positif kepada peningkatan nilai harta tanah serta penyediaan kemudahan asas. Walaubagaimanapun, terdapat juga impak negatif yang berlaku di kawasan Bagan Lalang. Antara impak yang telah dikenalpasti adalah seperti pencemaran pinggir pantai, perubahan sosio-ekonomi komuniti lokal, gangguan ekosistem marin, estetika persekitaran pembangunan dan perubahan topografi persekitaran.

Man dan Ne (2019) juga menjalankan kajian mengenai penyertaan orang asli dalam ekopelancongan di Tasik Chin, Pahang. Penyertaan komuniti Jakun dalam program ekopelancongan didapati sangat positif tetapi kemerosotan alam sekitar yang semakin meruncing menjadi punca kurangnya tarikan pelancong dari dalam dan luar negara. Justeru, impak pembangunan ini secara langsung akan memberi kesan ke atas kesejahteraan sosial dan ekonomi komuniti lokal yang bergantung kepada keseimbangan ekologi persekitaran. Dari pembacaan kajian lepas, kajian ini mengenalpasti impak pembangunan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di kawasan kajian.

## **Metod Kajian**

Populasi kajian adalah komuniti tempatan yang tinggal Mukim Serkat, Johor. Komuniti ini dipilih sebagai sampel kajian kerana mereka tinggal berdekatan dengan kawasan ekopelancongan iaitu Taman Negara Tanjung Piai, Johor. Kampung-kampung tersebut terdiri daripada Kampung Tanjung Piai, Kampung Serkat, Kampung Perpat Timbul, Kampung Sungai Kual dan Kampung Chokoh. Populasi komuniti di Mukim Serkat adalah sebanyak 7,994 orang penduduk.

Pengkaji menggunakan persampelan mudah dan menetapkan 367 orang sebagai sampel kajian berdasarkan Jadual penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Kajian ini juga dilakukan secara bersemuka dengan pengedaran borang soalan selidik kepada responden. Terdapat 3 bahagian dalam borang soal selidik dan skala pengukuran data jenis nominal dan ordinal digunakan untuk memudahkan proses menganalisis data. Selain itu, kajian rintis juga dijalankan dan ujian kesahihan item mencapai skor Cronbach's Alpha yang dikehendaki. Seterusnya, data sebenar dianalisa dengan analisis deskriptif menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS).

## Hasil Kajian

### 1. Demografi Responden

Berdasarkan kepada dapatan kajian, seramai 168 komuniti tempatan telah menjadi responden bagi kajian ini. Hasil kajian dimulakan dengan demografi responden yang diterangkan mengikut kampung, jantina, umur, bangsa, agama, status perkahwinan, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan bulanan seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1. Demografi Responden

Ciri-ciri demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Kampung</b>	Tanjung Piai	62	36.9
	Serkat	47	28
	Perpat Timbul	21	12.5
	Sungai Kual	21	12.5
	Chokoh	17	17
<b>Jantina</b>	Lelaki	94	56
	Perempuan	74	44
<b>Umur</b>	20-30 tahun	50	29.8
	31-40 tahun	29	17.3
	41-50 tahun	33	19.6
	51 tahun ke atas	56	33.3
<b>Bangsa</b>	Melayu	156	92.9
	Cina	12	7.1
	India	0	0
	Lain-lain	0	0
<b>Agama</b>	Islam	156	92.9
	Buddha	9	5.4
	Kristian	3	1.8
	Hindu	0	0
	Lain-lain	0	0
<b>Status perkahwinan</b>	Bujang	44	26.2
	Berkahwin	119	70.8
	Duda/janda	5	3
<b>Tahap pendidikan</b>	Tidak bersekolah	1	0.6
	UPSR	3	1.8
	PMR	10	6.0
	SPM	73	43.5
	STPM/Matrikulasi	6	3.6
	Diploma	39	23.2
	Ijazah dan ke atas	36	21.4
<b>Pekerjaaan</b>	Sektor kerajaan	62	36.9
	Sektor swasta	35	20.8
	Bekerja sendiri	40	23.8
	Tidak bekerja	31	18.5
<b>Pendapatan bulanan</b>	500-1000	25	14.9
	1001-1500	27	16.1
	1501-2000	34	20.2
	2001-2500	23	13.7
	2501-3000	16	9.5
	3001 ke atas	13	7.7
	Tiada pendapatan	30	17.9

Sumber: Pengkaji (2022)

Jadual 1 menunjukkan analisis demografi responden untuk kajian ini. Responden terdiri daripada lelaki seramai 94 orang (56%) manakala responden perempuan seramai 74 orang (44%). Bagi kategori umur, jumlah responden yang tertinggi adalah kategori berumur 51 tahun ke atas (33.3%), diikuti dengan 20 hingga 30 tahun (29.8%), 41 hingga 50 tahun (19.6%) dan 31 hingga 40 tahun (17.3%). Responden untuk kajian ini kebanyakannya adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Untuk status perkahwinan, kebanyakan responden telah berkahwin dan mempunyai tahap pendidikan di tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke atas. Untuk pekerjaan responden, sebanyak 36.9% responden bekerja di sektor kerajaan, manakala 20.8% bekerja di sektor swasta, 23.8% bekerja sendiri dan 18.5% tidak bekerja. Bagi kategori pendapatan bulanan responden, kebanyakan responden mempunyai pendapatan dengan rekod tertinggi RM1501-RM2000 seramai 34 orang.

## 2. Impak Pembangunan Ekopelancongan

Terdapat tiga kategori impak yang dikenalpasti dalam kajian ini iaitu impak ekonomi, sosial dan alam sekitar.

### *Impak ekonomi*

Jadual 2. Impak ekonomi

Perkara	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Peluang pekerjaan meningkat	151	89.9	17	10.1
Peningkatan taraf hidup	137	93.5	11	6.5
Pengangguran berkurang	79	47	89	53
Peningkatan harga tanah	113	67.3	55	32.7
Harga barang meningkat	112	66.7	56	33.3

Sumber: Pengkaji (2022)

Jadual 2 berkaitan dengan impak pembangunan ekopelancongan dari aspek ekonomi. Peratusan responden yang menjawab 'Ya' terhadap pernyataan bahawa peluang pekerjaan meningkat adalah sebanyak 89.9% iaitu seramai 151 orang. Hal ini kerana dengan adanya pembangunan ekopelancongan komuniti berpeluang memperoleh pekerjaan dengan membuka perusahaan homestay, gerai-gerai makan, pemandu pelancongan, perusahaan makanan sejuk beku secara kecil-kecilan dan sebagainya. Manakala bagi responden yang menjawab 'Tidak' terhadap pernyataan tersebut adalah sebanyak 10.1% iaitu seramai 17 orang.

Untuk item peningkatan taraf hidup, sebanyak 93.5% menjawab 'Ya' dengan pernyataan peningkatan taraf hidup iaitu seramai 137 orang. Hal ini kerana pembangunan ekopelancongan akan membuka peluang pekerjaan dimana komuniti dapat menjana pendapatan maka secara tidak langsung taraf hidup mereka akan meningkat. Manakala bagi responden yang menjawab 'Tidak' terhadap pernyataan peningkatan taraf hidup adalah sebanyak 6.5% iaitu seramai 11 orang.

Selain itu, untuk item pengangguran berkurang, peratusan tertinggi adalah responden yang menjawab 'Tidak' terhadap pernyataan pengangguran berkurang seramai 89 orang responden. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam sektor ekopelancongan Taman Negara Tanjung Piai ini tidak meluas dimana bilangan pekerjaan yang ditawarkan masih terbatas. Misalnya keperluan

kepada pemandu pelancong sangat terhad. Perkara ini disebabkan pelancong yang datang ke Taman Negara ini lebih cenderung untuk tidak memerlukan khidmat pemandu pelancong. Mereka memilih untuk bergerak sendiri secara berkelompok dengan pelancong yang lain.

Peningkatan harga tanah juga adalah salah satu dari impak ekonomi. Kebanyakan responden menjawab 'Ya' dengan pernyataan peningkatan harga tanah di sekitar kawasan kajian. Hal ini kerana harga rumah dikawasan mereka menjadi semakin mahal dan tidak mampu untuk memilikinya jika hendak dibandingkan dengan pendapatan mereka. Harga barang juga didapati meningkat dengan peratusan menjawab 'Ya' seramai 112 orang. Hal ini disebabkan mereka berpendapat bahawa harga barang semakin mahal akibat daripada aktiviti ekopelancongan. Manakala seramai 56 orang (33.3%) menjawab 'Tidak' terhadap pernyataan harga barang meningkat.

### Impak sosial

Jadual 3. Impak Sosial

Perkara	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Masalah gejala sosial meningkat	138	82.1	30	17.9
Penambahan infrastruktur	159	94.6	9	5.4
Budaya dan nilai murni diterapkan	139	82.7	29	17.3
Bertukar pandangan dengan pelancong	162	96.4	6	3.6
Bertukar pandangan dengan pelancong	110	65.5	58	34.5
Bertukar pandangan dengan pelancong	60	35.7	108	64.3
Hubungan komuniti semakin baik	156	92.9	12	7.1
Peningkatan Bahasa Inggeris	44	26.2	124	73.8
Gaya hidup penduduk dipengaruhi gaya pelancong	62	36.9	106	63.1

Sumber: Pengkaji (2022)

Jadual 3 menunjukkan impak sosial dari pembangunan ekopelancongan. Responden yang menjawab 'Ya' adalah tertinggi terhadap pernyataan masalah gejala sosial semakin meningkat adalah sebanyak 82.1% berbanding 17.9% responden menjawab 'Tidak'. Peningkatan gejala sosial seperti pergaulan bebas dalam kalangan anak muda, terpengaruh dengan budaya luar seperti gaya pakaian, makanan dan sebagainya. Responden juga kebanyakannya menjawab 'Ya' terhadap pernyataan penambahan infrastruktur dengan jumlah sebanyak 159 orang responden. Hal ini dengan adanya pembangunan ekopelancongan telah meningkatkan infrastruktur seperti Pusat Internet Desa, Klinik Desa, Surau dan sebagainya bagi kemudahan penduduk.

Selain itu, 82.7% orang responden bersetuju budaya dan nilai murni dapat diterapkan dengan adanya pembangunan ekopelancongan. Responden juga bersetuju dengan adanya pembangunan ekopelancongan, Pembangunan tersebut juga menerapkan budaya bertukar pandangan dengan pelbagai kategori pelancong. Hal ini kerana penduduk dapat bertukar pandangan bersama pelancong dengan berkongsi pengalaman dari pelbagai aspek.

Pembangunan ekopelancongan juga membawa pengaruh dari budaya luar. Seramai 110 orang responden bersetuju bahawa pembangunan ekopelancongan memberi impak sosial dari sudut budaya luar. Hal ini kerana terdapat masalah yang timbul seperti pergaulan bebas yang berpunca dari terpengaruh dengan budaya luar yang dibawa oleh pelancong. Untuk item kadar jenayah juga semakin meningkat pula, 64.3% responden mengatakan 'Tidak'. Hal ini kerana mereka berpendapat belum pernah terjadi kes jenayah yang berat seperti pembunuhan, pecah masuk dan sebagainya di kawasan kejiranan mereka. Pembangunan ekopelancongan juga memurnikan hubungan komuniti. Seramai 156 orang responden bersetuju kerana wujudnya kerjasama antara komuniti dalam menjayakan aktiviti ekopelancongan di kawasan tersebut.

Untuk item peningkatan Bahasa Inggeris, seramai 73.8% responden menjawab 'Tidak'. Hal ini kerana hanya segelintir penduduk yang bekerja di Taman Negara yang biasa berkomunikasi dengan pelancong asing menggunakan Bahasa Inggeris. Gaya hidup penduduk juga tidak dipengaruhi oleh gaya pelancong dengan 63.1% menjawab 'Tidak'. Hal ini kerana penduduk masih lagi mengekalkan budaya dan gaya hidup tradisi orang Melayu supaya dapat diperkenalkan kepada orang luar.

### *Impak alam sekitar*

Jadual 4. Impak Alam Sekitar

Perkara	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Masalah pencemaran akan berlaku	140	83.3	28	16.7
Pelancong menjaga kebersihan	60	35.7	108	64.3
Kebersihan hutan bakau semakin tercemar	138	82.1	30	17.9
Pencemaran udara akan berlaku	140	83.3	28	16.7
Pencemaran bunyi meningkat	137	81.5	31	18.5

Sumber: Pengkaji (2022)

Selain impak ekonomi dan sosial, impak alam sekitar juga berlaku dengan adanya pembangunan ekopelancongan (Jadual 4). Seramai 140 orang responden menjawab 'Ya' terhadap pernyataan masalah pencemaran akan berlaku. Hal ini kerana masalah pencemaran yang berlaku akibat daripada aktiviti ekopelancongan di kawasan paya bakau. Selain itu, 64.3% menjawab 'Tidak' terhadap pernyataan pelancong menjaga kebersihan. Hal ini kerana terdapat bekas-bekas makanan serta botol minuman yang bersepeh di kawasan sekitar paya bakau yang ditinggalkan oleh segelintir pelancong yang tidak bertanggungjawab menjaga alam sekitar. Untuk item kebersihan hutan bakau, seramai 82.1% responden menjawab 'Ya'. Hal ini kerana segelintir sikap pelancong yang tidak bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan kawasan taman paya bakau tersebut. Pencemaran udara juga berlaku dengan adanya bau sampah yang ditinggalkan di kawasan paya bakau oleh segelintir pelancong yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu, pencemaran bunyi juga meningkat dengan seramai 81.5% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini kerana pencemaran bunyi yang berlaku akibat kenderaan berat yang lalu-lalang di jalan raya utama yang berhampiran Taman Negara.



## Perbincangan Kajian

Setelah dikenal pasti dan dianalisis, pembangunan ekopelancongan di Taman Negara Tanjung Piai telah memberikan impak terhadap komuniti tempatan dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, ekopelancongan di Taman Negara Tanjung Piai adalah pelancongan berasaskan alam sekitar dimana Taman Negara Tanjung Piai merupakan kawasan paya bakau. Pembangunan yang dijalankan di sekitar paya bakau ini perlu dilaksanakan dengan berhemah agar ekosistem bakau yang perlu dipelihara tidak terjejas. Pembangunan ekopelancongan perlu lebih terus maju dengan pelaksanaan pelbagai produk dan aktiviti berkaitan alam semula jadi selari dengan kehendak pelancong. Namun, pembangunan yang dijalankan mestilah mengambil kira impak alam sekitar.

Pembangunan ekopelancongan di Tanjung Piai ternyata memberikan impak ekonomi yang positif terhadap komuniti setempat. Perkembangan taraf hidup komuniti semakin meningkat dengan adanya pembangunan pelancongan di Daerah Pontian. Hal ini kerana peluang pekerjaan mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan. Perkara ini diperakui oleh kajian Yahaya (2008) dimana pembangunan pelancongan yang dijalankan memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Sepertimana Model Ekopelancongan oleh Ross dan Wall (1999) yang telah digunakan dalam kajian ini telah menunjukkan ekopelancongan akan meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan masyarakat setempat.

Walaubagaimanapun, terdapat penduduk yang berpendapat bahawa kadar penggangguran tidak berkurang walaupun adanya pembangunan ekopelancongan di Tanjung Piai. Berdasarkan pemerhatian, pekerjaan yang wujud di Taman Negara Tanjung Piai adalah terhad. Hal ini kerana hanya sejumlah kecil penduduk tempatan yang bekerja sebagai pemandu pelancong dan pekerja yang menjaga kebersihan kawasan Taman Negara Tanjung Piai yang dapat diperhatikan. Selain itu, pembangunan ekopelancongan juga telah menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap harga tanah di Daerah Pontian. Hal ini kerana harga rumah dikawasan mereka menjadi semakin mahal dan tidak mampu untuk memilikinya jika hendak dibandingkan dengan pendapatan mereka. Komuniti juga merasakan harga barang turut meningkat di kawasan kejiranan mereka.

Bagi impak sosial daripada pembangunan ekopelancongan juga turut dirasakan oleh komuniti tempatan di Tanjung Piai. Masalah gejala sosial semakin meningkat iaitu pergaulan bebas dalam kalangan anak muda serta terpengaruh dengan budaya luar seperti gaya pakaian, makanan dan sebagainya. Impak sosial yang dirasakan oleh komuniti tempatan di sekitar Taman Negara Tanjung Piai lebih bersifat negatif berbanding impak ekonomi yang lebih positif. Hasil kajian Nurain dan Er (2013) menunjukkan hasil yang sama dimana persepsi penduduk setempat merasakan bahawa ekopelancongan yang dijalankan meninggalkan lebih banyak impak negatif khususnya dari segi fizikal dan sosial. Oleh itu, pembangunan ekopelancongan yang berterusan boleh mengakibatkan impak negatif dari aspek sosial terhadap kehidupan komuniti tempatan di Tanjung Piai. Namun, impak sosial mengenai kadar jenayah semakin 96 meningkat tidak begitu dirasakan oleh komuniti tempatan di Tanjung Piai. Impak sosial yang dirasakan positif daripada pembangunan ekopelancongan di Taman Negara Tanjung Piai adalah mengenai penambahan infrastruktur, budaya dan nilai murni diterapkan, bertukar pandangan dengan pelancong serta hubungan komuniti semakin baik. Kebanyakan komuniti tempatan juga tidak merasakan bahawa pembangunan ekopelancongan menyebabkan gaya hidup penduduk dipengaruhi gaya pelancong serta tidak menyebabkan kepada peningkatan Bahasa Inggeris.

Seterusnya, pembangunan ekopelancongan di Taman Negara Tanjung Piai juga turut memberikan impak terhadap alam sekitar. Masalah pencemaran akan berlaku dengan adanya pembangunan pelancongan yang

berterusan di kawasan paya bakau Tanjung Piai. Tambahan lagi, sikap segelintir pelancong yang tidak bertanggungjawab menjaga kebersihan dengan meninggalkan bekas makanan dan botol minuman di kawasan paya bakau telah menyebabkan pencemaran bau di Taman Negara Tanjung Piai. Manakala pencemaran bunyi juga dirasakan semakin meningkat oleh komuniti tempatan disebabkan kenderaan berat yang lalu-lalang di jalan raya utama berhampiran taman negara tersebut. Oleh itu, pelancong seharusnya menjaga kebersihan alam semula jadi tidak kira dimana sahaja destinasi ekopelancongan yang mereka kunjungi. Tujuannya supaya sesiapa sahaja yang mengunjungi Taman Negara Tanjung Piai ini akan dapat menikmati keindahan alam semula jadi disamping udaranya yang bersih dan nyaman.

**Penghargaan:** Ditujukan kepada semua penulis dan juga semua universiti yang terlibat dalam menjayakan penulisan artikel ini.

### **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, kajian ini berpendapat bahawa pembangunan ekopelancongan di kawasan Taman Negara Tanjung Piai, Johor yang dibangunkan oleh pihak berkepentingan adalah dalam keadaan sederhana memuaskan. Pihak kerajaan sedaya upaya telah menyediakan kemudahan, infrastruktur dan perkhidmatan yang diperlukan. Namun, kajian mendapati penyediaan kemudahan hanyalah pada tahap minimum. Pihak industri juga dikenalpasti telah memberi sokongan kepada pihak kerajaan dalam menambah baik kemudahan yang telah dirancang. Sementara masyarakat sekitar juga telah mendapat kesan dari aspek sosioekonomi, namun kesan yang diterima hanyalah pada tahap minimum.

Sebaliknya impak negatif dari segi alam sekitar dan sosial adalah lebih ketara. Penduduk setempat di kawasan Taman Negara Tanjung Piai merasakan bahawa pembangunan ekopelancongan yang dijalankan memberi impak positif dari segi ekonomi dan sosial tetapi lebih banyak menjerus kepada impak negatif khususnya dari segi fizikal dan sosial. Kajian ini juga mendapati peluang pekerjaan dan perniagaan juga perlu dibuka dengan lebih agresif kepada komuniti tempatan dalam meningkatkan ekonomi mereka. Usaha lain juga perlu difikirkan bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti untuk memasarkan produk ekopelancongan. Selain itu, kajian ini memberi pendedahan yang berguna berkaitan dengan impak pelancongan kepada pelbagai pihak terutamanya berkaitan komuniti tempatan. Pihak kerajaan dan swasta juga mendapat input yang terkini dalam merangka strategi pembangunan pelancongan terutamanya bagi pelancongan Taman Negara di Malaysia.

### **Rujukan**

- Ahmad, N.M.N., Razzaq, A.R. A., & Maryati, M. (2019). Potential of community capacity building for ecotourism purposes in Tg.Piai, Johore. *IOP Conf. Ser.: Earth Environ. Sci.* 269 012007
- Badaruddin Mohamed. (2008). *Pelancongan Lestari*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Che Leh F, Omar B. (2013). The growth and achievement of agro-tourism in Malaysia, 2000 2012. *Proceedings of the 3rd Regional Conference on Tourism Research*, 40-52. Langkawi, Malaysia. 29-31 Oct.
- Christopher Perumal, Zaini Sakawi & Siti Khatijah Zamhari. (2016). Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(4): 94 - 108.

- Clifton J, Benson, A.M. (2006). Planning for sustainable ecotourism: the case for research ecotourism in developing country destinations. *J. Sustain. Tour.* 14(3): 238-254
- Er Ah Choy, Asmahani Atan, Harsuzilawati Muhammed, Zaini Sakawi & Adam JH. (2012). Analisis kelebihan kompetitif ekopelancongan di Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(8): 158 - 169.
- Er, A.C., & Nurul, B.M.L. (2013). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan komuniti lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 8(2), 27-34.
- Goeldner, C. R., Ritchie, J. R. B. & McIntosh, R. W. (2000). *Tourism. Principles, Practices, Philosophies*, John Wiley & Sons, New York.
- Honey, M. (1999). *Ecotourism and Sustainable Development: Who Owns Paradise?*. Island Press.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Journal of Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Lascurain, H.C. (1988). The Future of Ecotourism . *Mexico Journal* 8: 3-7.
- M. Adli, M.S., Mohd Salleh, A., Wirdati, M.R., & Muhammad Syakir, S. (2018). Persepsi Penggiat Rekreasi Terhadap Aktiviti Rekreasi Luar yang Menjadi Keutamaan di Gunung Ledang, Taman Negara Johor. Attarabawiy: *Malaysian Online Journal of Education Vol. 2*, No. 1 (2018), 1-9| eISSN: 2600-7622
- Man, Z. dan Ne, Y. E. (2019). Penyertaan orang Asli dalam aktiviti eko-pelancongan di Tasik Chini, Pahang, Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 15 issue 4 (50-63)
- Matheison, A. dan Wall. G. (1991). *Pelancongan: Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial*. Terjemahan Kadir H. Din. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed, A.E., Alwi, M.K. & Xing, L.W. (2020). Eco-tourism impacts in Pulau Kukup National Park: Exploring residents perspectives. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts*, 12(2), 112-127.
- Mohd Hairy Ibrahim. (2003). *Ekopelancongan lembangan saliran Sungai Bill, Perak*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurain Sahazali, and Er, Ah Choy. (2013). Ekopelancongan di Taman Paya Bakau, Seri Manjung, Perak: persepsi penduduk terhadap impak pembangunan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 9 (3). pp. 69-79. ISSN 2180-2491
- Ross, S. & Wall, G. (1999). Ecotourism: towards congruence between theory and practice. *Tourism Management* 20: 123-132
- Said, M. Z., Komoo, I. dan Mohamad, E. T. (2020). Persepsi Pemimpin Tempatan Dan Komuniti Kawasan Pesisir Di Wilayah Iskandar Malaysia Terhadap Program Ekopelancongan Kawan Iskandar Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Volume 5 (34):1-21.
- Tee Siew, T.K. (2015). *Johor Giat Promosi Taman Laut Sultan Iskandar*.  
<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/11/25/johor-promosi-taman-lau>
- Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zainol, Siti Nor Awang, Kamal Solhaimi Fadzil & Juli Edo. (2015). Pelancongan dan pembangunan setempat di Malaysia: Satu analisis SWOT Royal Belum sebagai produk ekopelancongan. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(13): 115
- Yahaya Ibrahim. (2008). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Dawama Sdn. Bhd. Selangor.
- Zuriatunfadzliyah Shahdan, Rosniza Aznie Che Rose, Habibah Ahmad. (2009). Perubahan budaya Orang Bateq dalam situasi ekopelancongan di Taman Negara Pahang. *EBangi Jurnal of Social Sciences and Humanities* 4(1): 159-169.